

12 SEP 2003

LAPORAN-PRAKATA

SEKTOR SWASTA MESTI KEMBALI MENJADI PENERAJU PERTUMBUHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Sektor swasta mesti kembali menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi berdasarkan prospek pemulihan ekonomi global serta momentum pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana menteri berkata sektor swasta perlu menerokai sumber pertumbuhan domestik dan membangunkan aktiviti ekonomi yang lebih pelbagai, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pertanian.

"Mereka perlu menggandakan usaha untuk menambah aktiviti pengujudan nilai bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan tempatan yang berkualiti tinggi," katanya dalam prakata di Laporan Ekonomi 2003/2004 yang dikeluarkan Perbendaharaan.

Dr Mahathir, yang juga menteri kewangan, berkata usahawan negara mesti membangunkan jenama tempatan dengan menggunakan input dan komponen dalam negeri, yang dapat bersaing di pasaran global.

"Kita perlu berusaha lebih gigih untuk menjadi sebuah negara perdagangan yang berjaya, mampu mengeksport barangan dan perkhidmatan kita sendiri."

Menurutnya, dasar fiskal dan monetari akan terus menyokong sektor swasta untuk menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi.

Dalam hubungan ini, katanya, kerajaan telah menyediakan infrastruktur dan insentif yang diperlukan untuk merangsang lagi inisiatif sektor swasta bagi menjaga aktiviti ekonomi dalam negeri.

Dr Mahathir menegaskan bahawa langkah juga telah diambil untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan sistem serahan yang bertujuan mewujudkan suasana mesra perniagaan di samping membantu sektor swasta mengurangkan kos kendalian perniagaan.

Oleh itu, sektor swasta mesti merebut kesemua peluang yang boleh mengukuhkan lagi daya tahan dan meningkatkan daya saing mereka untuk menjadi pemain global yang berjaya di pasaran antarabangsa, kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa momentum pertumbuhan ekonomi negara kekal mapan walaupun dalam persekitaran luar yang sukar, berikutan ketegangan geo-politik serta wabak sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS).

Pertumbuhan ekonomi pada separuh pertama 2003 telah mencatatkan kadar yang lebih kukuh sebanyak 4.5 peratus berbanding 2.6 peratus dalam tempoh yang sama tahun 2002.

Tindakan pantas kerajaan untuk mengambil inisiatif dan merangka langkah dasar, terutamanya dengan melaksanakan pakej strategi baru, telah menyumbang kepada pengembangan pesat aktiviti ekonomi dalam negeri.

"Pertumbuhan tinggi ini yang dicapai dalam suasana inflasi yang rendah serta rizab antarabangsa yang meningkat, telah memantapkan lagi asas ekonomi makro. Dengan ini, negara pasti dapat mencapai matlamat pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus pada tahun 2003," kata Dr Mahathir.

Perdana menteri juga berkata selaras dengan prestasi ekonomi negara yang lebih tinggi, semua lapisan rakyat telah memperolehi peningkatan pendapatan serta menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Kejayaan dan kemakmuran serta keamanan dan kestabilan yang telah dikecapi selama ini, tidak akan tercapai tanpa sokongan teguh dan padu oleh semua rakyat terhadap kerajaan, tegas beliau. -- BERNAMA

MKO JR